



Rujukan kami : KPWKM (S):18/17/01 Jld. 14 (2)
Tarikh : 10 Ogos 2018

SENARAI SEPERTI EDARAN

Tuan / Puan,

PENGURUSAN KES – KES TATATERTIB DI PERINGKAT KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas. Surat Unit ini rujukan KPWKM(S):18/15/01 Jld. 6 (29) bertarikh 5 Ogos 2016 adalah berkaitan.

2. Seperti mana Tuan / Puan sedia maklum, penguatkuasaan peraturan dan disiplin merupakan salah satu aspek penting dalam organisasi. Matlamat utama pengurusan tatatertib bukanlah untuk menghukum (*punitive*) semata – mata tetapi sebagai **panduan dan pencegahan** (*deterrence*) kepada pegawai awam agar dapat melaksanakan tugas dengan cekap, amanah dan bertanggungjawab.

3. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Bilangan 16 Tahun 2016 pada 3 Ogos 2016 telah memutuskan agar Urus Setia Lembaga Tatatertib di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi termasuk di peringkat negeri mengambil tindakan untuk memastikan **kes – kes tatatertib biasa diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan bermula dari prima facie diputuskan sehingga tarikh hukuman dijatuhkan.**

4. **Penemuan analisa bagi tempoh yang diambil dalam pengurusan kes – kes tatatertib biasa yang selesai pada tahun 2016 dan 2017 di kementerian, jabatan serta agensi** telah dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPWKM Bilangan 20 Tahun 2018 pada 10 Ogos 2018, seperti berikut –

- (i) Perbandingan antara kes – kes yang telah selesai dalam tahun 2016 dan 2017–

SULIT

Bil	Jabatan	Tahun 2016			Tahun 2017		
		Tempoh Penyelesaian			Tempoh Penyelesaian		
		3 bulan	3 bulan – 6 bulan	6 bulan ke atas	3 bulan	3 bulan – 6 bulan	6 bulan ke atas
1	KPWKM	1 kes	-	3 kes	-	-	-
2	JKM	1 kes	1 kes	15 kes (antara 7 bulan – 1 tahun 5 bulan)	-	9 kes	1 kes (9 bulan 25 hari)
3	JPW	-	-	-	-	5 kes	-
4	LPPKN	-	-	-	-	4 kes	-
5	ISM	-	-	-	-	1 kes	-
	Jumlah	2 kes	1 kes	18 kes	-	19 kes	1 kes

- (ii) Setelah semakan dibuat, Unit ini mendapati terdapat **penambahbaikan** dalam tempoh pengurusan kes yang telah selesai pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya.
- (iii) Tempoh masa paling lama diambil pada tahun **2016** ialah pada peringkat–
- Tarikh surat representasi dan ulasan Ketua Jabatan dikemukakan kepada Urus Setia Lembaga Tatatertib sehingga Mesyuarat Lembaga Tatatertib bersidang untuk menjatuhkan hukuman** iaitu di antara **30 hari sehingga 330 hari**; dan
 - Semakan draf surat pertuduhan** oleh Penasihat Undang – Undang iaitu di antara **15 hari sehingga 103 hari**.
- (iv) Penambahbaikan yang dikenal pasti ialah –
- Walaupun tempoh masa paling lama diambil pada tahun 2017 ialah **masih** pada peringkat **mulai daripada tarikh surat representasi dan ulasan Ketua Jabatan dikemukakan kepada Urus Setia**

Lembaga Tatatertib dan sehingga Mesyuarat Lembaga Tatatertib bersidang untuk menjatuhkan hukuman (seperti pada tahun 2016), namun tempohnya lebih pendek iaitu hanya antara 28 hari sehingga 108 hari (berbanding 30 hingga 330 hari pada tahun 2016)

- (v) **Penambahbaikan** berlaku atas faktor – faktor berikut-
- a. Urus Setia Lembaga Tatatertib di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi termasuk di peringkat negeri **telah mengambil tindakan sewajarnya** untuk memastikan kes – kes tatatertib biasa diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan bermula dari *prima facie* diputuskan sehingga tarikh hukuman dijatuhkan; dan
 - b. Pewujudan **garis panduan / carta alir** pengurusan kes tatatertib biasa khususnya melibatkan **penetapan tempoh atau garis masa** bagi **setiap peringkat** pengurusan kes tatatertib yang dipersetujui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Bil 1 Tahun 2017 pada 21 Februari 2017, seperti di **Lampiran.**
5. Mesyuarat yang sama bersetuju –
- (i) Pengerusi dan Ahli – Ahli Lembaga Tatatertib **terus membantu memberikan keutamaan** ke atas **Mesyuarat Lembaga Tatatertib**; dan
 - (ii) Urus Setia **terus merujuk kepada garis panduan / carta alir** pengurusan kes tatatertib biasa khususnya melibatkan **penetapan tempoh atau garis masa** bagi **setiap peringkat** pengurusan kes tatatertib berkenaan.
6. Untuk sebarang pertanyaan, pihak Tuan / Puan boleh menghubungi –

Puan Nor Akmaliah binti Mohd Zain di talian 03-8323 1134 atau e-mel akmaliah@kpwkm.gov.my


SULIT

7. Kerjasama dan perhatian Tuan / Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(INTAN SYAHRINA BINTI ZAINAL ABIDIN)

Unit Integriti

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

SULIT

SENARAI EDARAN

1. Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
Aras 18, No. 55 Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya
(u.p Puan Zalinah binti Mohd Yusof)

2. Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita
Aras 25, No. 55 Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya
(u.p Puan Akhzailina binti Md Akhir)

3. Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
No 12B, Bangunan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
(u.p Puan Shafareeza binti Ismayatim)

4. Pengarah
Institut Sosial Malaysia
Lot PT 13856
KM 6, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur
(u.p Puan Noorul Akmam binti Sumiran)

5. Pengarah
NAM *Institute for the Empowerment of Women* (NIEW)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 28, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya
(u.p Puan Dinatra binti Mohd Saat)

SULIT

Salinan Kepada –

1. Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
Aras 18, No. 55 Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya

2. Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita
Aras 25, No. 55 Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya

3. Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
No 12B, Bangunan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

4. Pengarah
Institut Sosial Malaysia
Lot PT 13856
KM 6, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur

5. Pengarah
NAM *Institute for the Empowerment of Women* (NIEW)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 28, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya

